



Anwar beramah mesra dengan penduduk pada majlis Kenduri Rakyat sempena Program Ukhawah MADANI dan Pemukiman Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan MADANI di Kampung Pachitan, Port Dickson, semalam. (Foto BERNAMA)

Kerajaan MADANI kukuh atas prinsip, semangat perpaduan

BERITA HARIAN 21 JUL 2025 m/j: 2

Anwar kagum nilai kebersamaan ditunjukkan parti gabungan untuk bangunkan negara

Port Dickson: Kerajaan MADANI kukuh hasil pegangan kepada prinsip dan semangat perpaduan antara parti gabungan serta komitmen bersama untuk membangunkan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, walaupun setiap parti gabungan dalam Kerajaan MADANI mempunyai fahaman dan pendirian berbeza, nilai kebersamaan dan semangat perpaduan dalam kalangan mereka amat mengagumkan.

“Alhamdulillah, walaupun kita ini gabungan parti dengan berlainan pendirian dan fahaman, tetapi semangat untuk membangunkan negara menjadikan kerjasama dan semangat itu luar biasa.

“Terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Ahmad Zahid Hamidi (Pengerusi Barisan Nasional); (Datuk Seri) Fadillah Yusof (Gabungan Parti Sarawak) dan rakan-rakan lain atas semangat ini,” kata beliau.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada Kenduri Rakyat bersempena dengan Program Ukhawah MADANI dan Pemukiman Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan MADANI di Kampung Pachitan, di

sini, semalam.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Ahmad Zahid dan Fadillah.

Hadir sama, lebih 100 anggota Kabinet serta Ahli Parlimen Kerajaan MADANI termasuk Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil dan Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Kerajaan prihatin

Dalam pada itu, Anwar berkata, Kerajaan MADANI yang dibentuk ialah kerajaan prihatin yang terus mendengar dan memahami suara rakyat.

Beliau berkata, meskipun pres-

tasi ekonomi makro negara menunjukkan perkembangan memberangsangkan dengan peningkatan pelaburan dan penurunan kadar pengangguran, kerajaan tidak boleh ambil ringan terhadap cabaran yang masih dirasakan oleh rakyat pada peringkat akar umbi.

“Dari segi ekonomi makro, kita nampak prestasi membaik, pelaburan naik, kadar pengangguran turun. Tetapi saya tahu, pada peringkat bawah masih ada kesukaran.

“Sebab itu, Kerajaan MADANI yang kita bina ini, kerajaan yang prihatin, kita kena dengar suara rakyat, jangan tinggal kebiasaan, jangan abaikan suara akar umbi,” kata Anwar.

Ibadat & Fadilat

Miqdam RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada makanan dimakan seseorang, sekali-kali tidak lebih baik daripada memakan makanan hasil usaha tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Allah Daud AS, makan hasil usaha tangan Baginda sendiri.” (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:28	4:50	7:40	8:54
Alor Setar	5:59	1:27	4:50	7:39	8:54
P. Pinang	6:00	1:27	4:51	7:38	8:52
Ipoh	6:00	1:25	4:48	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:59	1:22	4:46	7:31	8:44
Shah Alam	5:59	1:22	4:46	7:31	8:44
Johor Bahru	5:53	1:14	4:37	7:19	8:33
Kuantan	5:54	1:17	4:40	7:24	8:38
Seremban	5:59	1:21	4:45	7:28	8:42
Bandar Melaka	5:58	1:20	4:44	7:26	8:40
Kota Bharu	5:52	1:20	4:43	7:32	8:42
K. Terengganu	5:49	1:16	4:39	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:57	12:24	3:47	6:35	7:50
Kuching	5:28	12:49	4:12	6:54	8:08